MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

The Observer
Buletin Rasmi MSWG

JUMAAT | 14 NOVEMBER 2025

MSWG
ShareFest! Festival untuk Pemegang Saham Minoriti

Info lanjut di Muka 5 »

Tutup Kedua-dua Belah Mata

Pengumuman TWL Holdings baru-baru ini bagi mendapatkan pengesahan semula secara retrospektif untuk pemberian 192 juta saham di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS) kepada Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Tan Wei Lian, telah menimbulkan kebimbangan serius berhubung aspek tadbir urus, pengawasan lembaga dan akauntabiliti syarikat.

BUAT DULU, LULUS KEMUDIAN

Pemegang saham TWL Holdings Berhad (dahulunya dikenali sebagai Tiger Synergy Berhad) kini berdepan dilema yang menyentuh hak pemegang saham dan pematuhan peraturan. Syarikat itu sedang cuba memohon pengesahan semula selepas pemberian 192 juta saham di bawah Skim Opsyen Saham Pekerja (*Employee Share Option Scheme*, ESOS) kepada Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Tan Wei Lian, yang mana tindakan ini telah dibuat sebelum mendapat kelulusan daripada pemegang saham.

Saham ESOS tersebut dianugerahkan kepada Tan pada 1 Julai 2025 tanpa kelulusan pemegang saham, sekali gus menyebabkan pelanggaran terhadap Perenggan 6.06 (1) Syarat Penyenaraian Pasaran Utama (*Main Market Listing Requirement,* MMLR) dan Perenggan 7.4 Undang-undang Kecil ESOS Syarikat.

MMLR dengan jelas menetapkan bahawa sebarang pemberian saham atau sekuriti boleh ubah kepada pengarah, pemegang saham utama, ketua pegawai eksekutif atau individu yang berkaitan dengan mereka, hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada pemegang saham dalam mesyuarat agung. Namun, TWL tetap meneruskan pemberian saham ESOS tersebut kepada Tan.

Pada hari pemberian ESOS (1 Julai 2025), Tan terus menebus 110 juta unit saham tersebut pada harga 2.7 sen sesaham, yang menjana hasil sebanyak RM2.97 juta. Baki 82 juta saham ESOS yang dianugerahkan kepada Tan itu kemudiannya dibatalkan pada 11 Julai 2025 selepas Tan *"mengambil keputusan untuk tidak menebus baki opsyen tersebut".*

Empat bulan kemudian, pada 4 November 2025, TWL menyedari bahawa mereka tidak pernah mendapatkan kelulusan untuk pemberian saham itu dan hanya selepas itu mereka membuat pengumuman rasmi. Apakah faktor yang akhirnya "menyedarkan" mereka selepas tempoh empat bulan, kekal menjadi tanda tanya.

Ke Mana Hilangnya Semak dan Imbang?

Skim ESOS TWL ditubuhkan pada Disember 2021 untuk tempoh lima tahun dan boleh dilanjutkan lagi untuk tempoh lima tahun. Ia memberikan kuasa budi bicara yang luas kepada Jawatankuasa ESOS.

Jawatankuasa ESOS bertanggungjawab mentadbir skim ini dengan cara yang difikirkan sesuai dan dengan kuasa serta tugas yang diberikan kepadanya oleh Lembaga. Antara kuasa dan tanggungjawab mereka termasuklah:

- Menetapkan kriteria kelayakan lain atau mengetepikan syarat kelayakan, dari semasa ke semasa;

- Memilih serta mengenal pasti Orang yang Layak untuk menyertai skim ESOS;

- Menganugerahkan opsyen ESOS kepada Orang yang Layak selepas mempertimbangkan faktor jawatan, tempoh perkhidmatan, prestasi kerja dan/atau kriteria lain yang dianggap relevan oleh Jawatankuasa ESOS;

- Menetapkan asas peruntukan, mengenal pasti kategori atau gred Orang yang Layak dan Peruntukan Maksimum yang Dibenarkan untuk Orang yang Layak dalam kategori atau gred yang berbeza.

Walaupun Jawatankuasa mempunyai budi bicara untuk menentukan kuantum opsyen ESOS kepada pengarah atau pekerja yang layak, kuasa budi bicara ini tidak boleh menggantikan syarat untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham yang sudah jelas ditetapkan oleh peraturan.

Jawatankuasa ESOS ini terdiri daripada dua pengarah bukan eksekutif bebas iaitu S. Nagaraju Sinniah dan Rithauddin Hussein Jamalatiff Jamaluddin, serta pengarah urusan, Tan Lee Chin, yang merupakan adik beradik Datuk Tan Wei Lian.

Hakikat bahawa pemberian ESOS yang berskala besar ini, yang merangkumi 74% daripada keseluruhan 258 juta saham ESOS, tidak disedari oleh jawatankuasa ESOS mahupun kelima-lima ahli dalam lembaga pengarah yang termasuk dua beradik Tan, adalah sesuatu yang sukar diterima akal.

Pengecualian, Bukan Kebiasaan

Menjelang Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) yang akan diadakan pada 10 Disember, sejurus selepas AGM ke-29, Lembaga TWL telah mencadangkan supaya pemegang saham mengundi menyokong usul pengesahan semula tersebut, dengan alasan tindakan itu diambil *"demi kepentingan terbaik Kumpulan TWL Holdings"*.

TWL mendakwa tindakan itu perlu diambil bagi *"mengekalkan pematuhan peraturan, memperkukuh ketelusan dan melindungi keyakinan pihak berkepentingan".*

Namun, alasan ini ibarat omong kosong. Pengesahan semula biasanya tindakan yang bersifat pembaikan, bukan pengganti kepada disiplin tadbir urus. Lebih membimbangkan apabila sesebuah syarikat menganggap pengesahan semula oleh pemegang saham sebagai formaliti semata-mata, dan bukannya langkah penting untuk memelihara akauntabiliti.

Walaupun TWL cuba menggambarkan isu ini sebagai "kecuaian pentadbiran," implikasinya jauh lebih mendalam. Tan telah pun menebus dan menerima 110 juta saham yang dimaksudkan. Ibarat nasi sudah pun menjadi bubur. Kini, pemegang saham pula yang terpaksa diminta untuk mengesahkan secara retrospektif pelanggaran peraturan yang menguntungkan seorang pengarah.

Kejadian ini bukan kes terpencil. Beberapa syarikat tersenarai lain juga pernah memohon pengesahan semula bagi meluluskan ketidakpatuhan terdahulu, termasuk Malaysian Genomics Resource Centre Berhad (MGRC) yang baru-baru ini cuba mengesahkan semula pemerolehan dan pelupusan sekuriti tersenarai dari tahun 2022 hingga 2023. Apa yang mengejutkan, walaupun MGRC sedar tentang ketidakpatuhan itu sejak seawal 2023, pengesahan semula itu masih belum diluluskan walaupun selepas dua tahun.

Jika amalan seperti ini dibiarkan, ia akan menjadi contoh teladan yang berbahaya. Pengarah mungkin akan bertindak sembarangan, memohon maaf dan kemudiannya bergantung pada pengundian pemegang saham (yang tidak diberikan banyak pilihan) untuk menghalalkan perbuatan mereka.

Memandangkan saham ESOS itu telah pun ditebus, pemegang saham mungkin tiada pilihan selain mengundi menyokong pengesahan semula demi pematuhan terhadap peraturan. Bagaimanapun, sokongan itu tidak sepatutnya diberikan tanpa persoalan.

Pemegang saham perlu menuntut penjelasan penuh dan telus daripada Lembaga dan Jawatankuasa ESOS tentang:

- Bagaimanakah pelanggaran ini boleh berlaku di bawah pengawasan mereka?
- Apakah kegagalan kawalan dalaman yang membolehkan perkara ini berlaku? dan
- Apakah tindakan pembetulan tadbir urus yang akan diambil bagi mengelakkan kejadian ini daripada berulang?

Siasatan lanjut perlu dilakukan terhadap kes-kes seumpama ini. Kejadian ini perlu dijadikan peringatan keras kepada semua syarikat tersenarai. Kelulusan pemegang saham bukan sekadar cop rasmi dan pengesahan semula tidak seharusnya dijadikan alasan mudah untuk menutup kelemahan tadbir urus.

[TAMAT]

MSWG
MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP
25 Years

Share Fest!

Festival for Minority Shareholders

>>> Free Entry

Supported by:

Suruhanjaya Sekuriti
Securities Commission Malaysia

invest smart®
A Securities Commission Malaysia Initiative

BURSA MALAYSIA

SATURDAY
22 NOVEMBER 2025
HERITAGE VALLEY KL
(NEAR QUILL CITY MALL)
9:00 A.M - 6:00 P.M

Lucky Draw

Food Bazaar

TED Talk-style Sessions

Food Trucks

Free Health Check Up

Pop Up Zone

Flea Market

Free Relaxing Massage

Free Stuffs

Meal Coupon*

Door Gift*

REGISTER NOW

EVENT BROCHURE

* For the first 300 pax.
Terms & conditions apply.

@MSWGMalaysia

mswg.org.my



PENDEDAHAN KEPENTINGAN
Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN
Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.